

CNS2926

U GB 17-12 00160 BB301

BAH

Mahathir - Serap

PUSAT TIADA RANCANGAN UNTUK SERAP PERKHIDMATAN AWAM NEGERI

JITRA, 17 Dis (Bernama) --- Kerajaan pusat tidak mempunyai rancangan pada masa ini untuk menyerap perkhidmatan awam negeri ke dalam perkhidmatan awam pusat, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perkhidmatan awam negeri merupakan milik lima kerajaan negeri yang dahulunya Negeri-negeri Tidak Bersekutu dan kerajaan pusat tidak mempunyai rancangan untuk mengubah kedudukan itu pada masa ini, katanya.

Bagaimanapun, kerajaan telah mencuba sedaya upaya untuk menyelaraskan fungsi perkhidmatan awam negeri dengan perkhidmatan awam pusat, katanya ketika menjawab soalan pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan anggota Koperasi Serbaguna Kaum Ibu Kubang Pasu Timur di pejabat koperasi itu di Lubuk Batu, di sini.

Beliau bagaimanapun mengakui bahawa disebabkan strukturanya yang sedemikian rupa, tentulah terdapat sedikit sebanyak masalah dalam perkhidmatan awam negeri.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga belum ada rancangan untuk mengkaji semula kedudukan perkhidmatan awam negeri buat masa ini. --- Lagi.

17/12/20-08MST

CNS2928

U GB 17-12 00211 BB302

BAH

Mahathir - Serap 2 (Akhir) Jitra

Ketika ditanya mengenai pegawai perkhidmatan awam negeri yang hanya mematuhi arahan pihak berkuasa di negeri yang berkenaan sahaja, Dr Mahathir berkata: +Kalau arahan itu arahan yang baik dan sejajar dengan peranan mereka, tidak ada sebab mereka tidak harus melaksanakan arahan itu.+

Bagaimanapun, beliau menambah kata, sekiranya seseorang pegawai, sama ada pegawai pusat atau negeri, yang diarah membuat sesuatu yang bertentangan dengan undang-undang, mereka berhak untuk mendapatkan penjelasan daripada ketua-ketua mereka.

Ketika diminta mengulas kenyataan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik bahawa beliau mempunyai bukti pembabitaa pihak istana dalam pembalakan haram di Pahang, Perdana Menteri berkata: +Kalau ada bukti kita nak tahulah, kita nak kenal pasti benarkah atau tak benar...saya sendiri tak tahu.+

Mengenai perjumpaan tertutupnya dengan Kadi-kadi dari seluruh negeri di Pejabat Agama Islam Daerah Kubang Pasu di sini tengah hari ini, Dr Mahathir berkata, beliau telah mengadakan perbincangan dan mendengar pandangan mereka mengenai peranan Kadi dalam membangunkan umat Islam pada zaman moden ini.

Beliau berkata, kerajaan berpendapat bahawa para Kadi harus memperluaskan peranan mereka dan tidak menumpukan semata-mata kepada mengajar ibadat tertentu sahaja tetapi hendaklah mengambil kira masalah orang Islam keseluruhannya dan masalah orang Islam dalam negara ini. --- Bernama.